



## KENYATAAN MEDIA

### NASIB TIGA BERADIK KEHILANGAN IBU BAPA TERBELA

**KLANG, SELANGOR** - Kementerian Sumber Manusia (KSM) hari ini telah menyantuni tiga beradik yang menjadi yatim piatu selepas kehilangan ibu bapa mereka dalam tempoh yang singkat dengan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Bapa kepada tiga beradik malang ini, **K. Selvam a/l Kalimuthu, 53**, telah meninggal dunia akibat serangan jantung pada April 2021. Makin meruntun jiwa apabila nyawa ibu mereka **Chandrakala a/p Sivalingam, 43**, pula diragut tanpa diduga empat bulan kemudian pada 21 Ogos lalu akibat jangkitan **COVID-19**.

Berdasarkan semakan caruman PERKESO atas pasangan suami isteri tersebut, hanya **mendiang isteri sahaja yang layak** menerima faedah PERKESO di **bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)**. Sehubungan itu, mendiang Chandrakala yang meninggalkan **tiga (3)** orang anak layak mendapat bantuan **Faedah Pengurusan Mayat (FPM)** dan **Pencen Penakat**.

Kedua-dua faedah tersebut akan dibayar kepada waris mendiang iaitu anak sulung mereka, **Mahalatchumy a/p K. Selvam, 19**, yang kini memikul tanggungjawab sebagai 'ketua keluarga' dan penjaga kepada adik-adiknya. Waris akan menerima bayaran FPM sebanyak **RM2,000** untuk sekali bayar dan bayaran Pencen Penakat sebanyak **RM1,003.20 sebulan** yang akan dibayar sehingga mereka mencecah usia 21 tahun atau tamat pengajian di institusi pengajian tinggi.

Mahalatchumy dan dua orang adiknya, **Muthukumaran a/l K. Selvam, 17**, dan **Kastury a/p K. Selvam, 16**, yang masih bersekolah, kini dijaga oleh nenek mereka yang tinggal bersama-sama. Anak sulung mendiang itu juga tidak pernah menyangka bahawa virus

COVID-19 yang menjangkiti ibunya begitu pantas merebak sehinggakan mendiagnoskan Chandrakala hanya sempat dirawat selama **dua (2)** hari di Hospital Ampang sebelum menghembuskan nafas terakhir.

Prihatin dengan nasib yang menimpa keluarga berkenaan, Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan telah menziarahi tiga beradik ini di kediaman mereka di Taman Sentosa, Klang. Hadir sama ialah Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed, Ketua Pegawai Komunikasi PERKESO, Encik Izad Haji Raya, Pengarah PERKESO Negeri Selangor, Encik Zainol Abu dan Pengurus PERKESO Klang, Encik V. Mohanadas.

Pencen Penakat merupakan salah satu daripada faedah yang ditawarkan menerusi Skim Keilatan di bawah Akta 4. Pencen Penakat dibayar kepada orang tanggungan yang layak apabila Orang Berinsurans (OB) meninggal dunia akibat sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Antara syarat kelayakan faedah ini ialah OB meninggal dunia sebelum mencapai umur 60 tahun dan memenuhi syarat kelayakan caruman atau OB meninggal dunia semasa sedang menerima Pencen Ilat tanpa mengambil kira had umurnya.

KSM dan PERKESO menzahirkan rasa simpati dan berharap bantuan faedah yang diterima oleh waris keluarga malang berkenaan dapat meringankan beban yang ditanggung mereka dalam meneruskan kehidupan seharian.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Strategik**

**15 Oktober 2021**

**Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 atau S. Retnanathan di talian +6016 – 2555 602.**